

KELESTARIAN ISTILAH TEKNOLOGI BERBAHASA MELAYU DALAM KURSUS KEMAHIRAN TEKNIKAL DI INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA

ADENAN AYOB

ABSTRAK

Pada era teknologi terkini, perkembangan dan integriti istilah perlu dimantapkan. Hal ini sedemikian kerana istilah memaparkan kelestarian warisan budaya yang bertatasusila dan harmoni, sejajar dengan falsafah yang terkandung dalam perkembangan bahasa dan transformasi teknologi negara. Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji sikap dan amalan belia terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu dalam beberapa kursus kemahiran teknikal. Sebanyak 1,784 orang pelajar IKBN telah dijadikan responden dalam kajian ini. Kaedah tinjauan berasaskan soal selidik digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian daripada soal selidik telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan amalan belia yang menjalani kursus kemahiran teknikal tertentu terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu. Dengan wujudnya kesignifikan daripada hasil kajian ini, pengkaji mengesyorkan supaya istilah teknologi di institut latihan belia terus dikaji, selain dibangunkan secara realitinya dalam bentuk digital serta dirangkaikan dalam talian. Hal ini demikian kerana hasil penyelidikan sedemikian mampu menyokong penghasilan produk yang berasaskan data yang empirikal, lebih terkini, tepat dan objektif. Penyelidikan seumpama ini akhirnya berhalatujukan manfaatnya kepada belia dalam menghayati serta mengaplikasikan transformasi istilah teknologi menerusi bahasa Melayu sebagai wahana.

Kata Kunci: Kelestarian, Istilah Teknologi, Kemahiran Teknikal, Sikap dan Amalan Oleh Kalangan Belia.

ABSTRACT

In the era of new technology, the development and also the integrity of terminology should be established. This is because the sustainability of terminology highlights the cultural heritage of harmony, in line with the philosophy embodied in language development and technological transformation in this country. Therefore, this research was conducted to study the attitudes and practices of youth on sustainable Malay technological terminology for certain courses in technical skills. A total of 1,784 IKBN students were selected as respondents in this study. A survey questionnaire was used in this research. The results from the questionnaire were analysed descriptively and inferentially. The results showed that there was a significant relationship between youth attitude and practice for certain technical courses on sustainable Malay

technological term. With the significance of these findings, the researcher recommend that the technological terminology in industrial training institute for youth should be studied as well as developed in the realm of digital and online network. This is because the results of such a research can support the development of products that are based on empirical, current, accurate and objective data.

Keywords: *Sustainability, Technological Terminology, Technical Skills, Attitudes and Practices among the Youth.*

PENGENALAN

Latar Belakang Kajian

Pelancaran Wawasan 2020 pada tahun 1991 telah membuka ruang ke arah kemajuan Malaysia pada abad yang ke-21 ini. Dalam hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, penggunaan teknologi secara pesat dalam bidang perindustrian amat wajar (Mahathir Mohamed, 1991). Justeru, beberapa pihak yang terlibat dalam pembangunan teknologi perindustrian perlu berusaha ke arah pembentukan tenaga kerja pakar, khususnya daripada kalangan belia yang mempunyai profesionalisme tahap tinggi. Antaranya kelestarian istilah untuk menyerap pelbagai pengetahuan kemahiran teknikal. Oleh itu, produk kumpulan tenaga kerja mahir, terutamanya daripada kalangan belia adalah perlu untuk bersedia sepenuhnya bagi menjana transformasi pembangunan nasional secara menyeluruh, termasuk yang bersabit dengan hal ehwal sesuatu disiplin perindustrian.

Jika dikaitkan dengan konsep pembangunan nasional, hala tuju pendidikan yang didasarkan kepada sesuatu kurikulum merupakan nadi penggerak institusi sosial. Tujuannya berfokus kepada pembestarian perancangan penyediaan tenaga kerja pakar, teknikal dan profesional. Dari sudut teoritikal, perancangan pendidikan untuk belia mampu membentuk sikap, amalan, nilai serta set minda pelaksanaan kerja-kerja berkemahiran seperti kesediaan untuk menerima perubahan, kreatif, inovatif dan bijaksana menginterpretasikan beberapa elemen istilah berasaskan laras teknologi khususnya (Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd. Yasin & Hamdan Mohd Ali, 2003). Secara teori juga, fungsi pendidikan berkesinambungan dengan hala tuju bidang pekerjaan dan kehidupan seharian, terutamanya yang melibatkan belia sebagai generasi muda yang berpotensi tinggi.

Salah satu elemen penting dalam fungsi pendidikan yang hendak dimanfaatkan untuk pembangunan teknologi adalah daripada segi kelestarian istilah. Dalam usaha sesuatu pihak untuk membangunkan kemajuan inovatif bagi sesuatu bidang perindustrian, alat pendidikan yang menjurus kepada pengetahuan serta penguasaan istilah teknologi perlu dijadikan kriteria teras atau kayu pengukur daya mapan bagi kemajuan sesebuah industri. Daripada pendidikan yang berkisar kepada pengetahuan serta penguasaan istilah teknologi yang menyeluruh, asas-asas bagi kemahiran

berbahasa mampu dimeterai secara matang dalam jalinan komunikasi industri khususnya. Di Malaysia, kemahiran bahasa Melayu mampu dibentuk dan diperteguh menerusi sistem pendidikan yang memerlukan persaingan yang sihat dalam kalangan belia untuk mengecapi kemajuan teknologi yang seimbang. Langkah ini sangat penting kerana dalam konteks ledakan ilmu dan globalisasi, pengetahuan dan penguasaan tentang istilah teknologi dapat membentuk serta menjamin keyakinan seseorang teknokrat belia untuk berkomunikasi secara cekap, kemas dan teratur. Senario ini terbukti di Jepun, iaitu kehidupan rakyatnya adalah sejahtera ekoran pencapaian tahap kegemilangan perindustrian. Selain itu, wujud kebolehan luar biasa para teknokrat belia ke arah mentafsir, mengamal dan membudayakan penggunaan istilah teknologi dalam berbagai-bagai sektor, walaupun dengan menggunakan bahasa Jepun. Perkembangan istilah teknologi yang berlaku luas di negara berkenaan secara langsung telah mendokong kemajuan pelbagai sektor dalam perindustrian (Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd. Yasin & Hamdan Mohd Ali, 2003).

Jelas bahawa contoh Jepun sebagai sebuah negara perindustrian telah berjaya menampilkan belia yang begitu menghormati pembangunan dan pengembangan pelbagai istilah teknologi dalam bahasa sendiri. Hakikatnya, kelestarian istilah-istilah teknikal dalam laras teknologi di Jepun masih memberikan sumbangan tidak langsung yang amat bermakna terhadap pembangunan sektor perindustrian, khususnya (Adenan Ayob, 2009).

Secara umumnya, konsep kelestarian digunakan untuk merujuk kepada proses pendidikan yang berteraskan kurikulum bestari. Kelestarian istilah adalah berkaitan dengan proses seseorang menguasai ilmu pengetahuan, nilai-nilai, norma, sikap, amalan dan sebagainya untuk berkomunikasi secara tersusun, jelas dan tepat.

Kelestarian juga berhubung dengan proses penghayatan dan penerimaan kelangsungan ilmu menerusi elemen tertentu dengan berasaskan penggunaan istilah yang mantap untuk tujuan pembangunan manusia sejagat. Daripada misi serampang dua mata, unsur kelestarian ilmu bahasa amnya dan istilah khususnya yang menyentuh tentang aspek-aspek teknikal dalam laras teknologi berperanan menzahirkan insan yang terdiri daripada kalangan belia yang harmoni daripada segi jasmani dan intelek (Adenan Ayob, 2009). Selain itu, bertindak sebagai penggerak profesional untuk tampil dan mencorakkan sesuatu bidang dalam pembangunan sesebuah negara. Justeru, kelestarian adalah lebih luas daripada konsep pendidikan formal, malah merangkumi proses-proses penggarapan ilmu yang berterusan sehingga didedahkan kepada agensi-agensi lain semasa remaja dan dewasa.

Dalam kajian ini, konsep kelestarian istilah teknologi dikaitkan dengan satu proses perolehan pengetahuan, penguasaan, perkembangan pemikiran inovatif dan kreatif. Ini sejajar dengan pendapat Puteri Roslina Abdul Wahid (2006) yang mengungkap bahawa konsep kelestarian istilah lebih terarah kepada kursus-kursus kemahiran yang berasaskan aspek-aspek teknikal dalam laras bahasa teknologi.

Pernyataan Masalah

Hubungan yang positif antara sikap dengan amalan merupakan unsur penting dalam menilai seseorang terhadap kelestarian sesuatu istilah dengan berdasarkan pengetahuan dan pentafsiran (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2005). Terdapat kajian tentang sikap yang berfokus kepada dimensi keselesaan dan keyakinan, manakala amalan pula bertumpu kepada kemudahan dan konsistensi terhadap kelestarian istilah (Rusli Abdul Ghani & Zaiton Darois, 2001). Sejajar dengan perkembangan tersebut (Havice, 1999), kajian terhadap pembangunan serta pengembangan istilah teknologi secara bersepadu dengan aspek sikap dan amalan belia perlu dilakukan dalam suasana yang kondusif dan penuh dengan sokongan pengetahuan (Adenan Ayob, Mohd Rashid Md Idris & Mohd Ra'ain Shaari, 2010).

Di negara ini, banyak istilah teknologi telah dimantapkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (Adenan Ayob, Mohd Rashid Md Idris & Mohd Ra'ain Shaari, 2010). Istilah-istilah tersebut dibangunkan dalam bentuk senarai perkataan menerusi satu kaedah yang tersendiri. Istilah-istilah tersebut juga dicipta berdasarkan kata-kata berasingan, selain tidak memberikan perhatian kepada penggunaannya dalam konteks tertentu. Hingga sekarang, kebanyakan istilah tersebut masih mendapat tempat untuk kegunaan harian. Kekangan terhadap penggunaannya pula adalah dengan berlandaskan beberapa faktor.

Antara faktor berkenaan, istilah-istilah yang wujud dalam komunikasi dirasakan janggal apabila dicuba untuk dilestarikan dalam kalangan teknokrat yang terdiri daripada belia. Faktor lain adalah tentang sesuatu istilah yang tidak sesuai tafsirannya. Kerumitan seperti itu turut memberikan natijah terhadap ketidaklancaran tafsiran tentang sesuatu istilah teknologi.

Pentafsiran pula melibatkan penggunaan semula sesuatu bahan daripada sesuatu bahasa sumber dalam bahasa penerima. Dalam proses ini, perlu dikenal pasti satu kaedah persamaan berdasarkan ungkapan bahasa sumber dengan berpandukan makna dan gaya atau jalan bahasa lazim. Tujuannya untuk meningkatkan keupayaan pengguna yang terdiri daripada kalangan belia bagi mentafsir dengan tepat dan jitu menerusi pembentukan pemikiran yang kreatif dan inovatif.

Pernyataan di atas mencerminkan wujudnya halangan dalam sebarang persepadanan mutlak. Paksi halangan lazimnya tercetus daripada penggaraban sesuatu istilah kerana faktor imbuhan, rentetan, jamak dan penjodoh bilangan (Adenan Ayob, Mohd Rashid Md Idris & Mohd Ra'ain Shaari, 2010). Oleh itu, betapa pentingnya dicari persamaan yang paling sesuai, walaupun dalam banyak hal menunjukkan prinsip-prinsip yang penting dalam tafsiran sesuatu istilah belum pernah dirumuskan secara menyeluruh. Adenan Ayob, Mohd Rashid Md Idris dan Mohd Ra'ain Shaari menambah bahawa pemaparan sebarang tafsiran istilah yang mantap harus sejajar dengan sesuatu prinsip atau teori.

Ini bermakna tidak ada ungkapan tentang tafsiran sesuatu istilah dalam satu bahasa penerima merupakan persamaan model yang sesuai daripada bahasa sumber. Dalam pengertian lain, semua jenis tafsiran istilah mungkin akan melibatkan kehilangan, penambahan dan pemesongan maklumat.

Jelasnya, dalam usaha seseorang pengamal, khususnya belia untuk mentafsir secara tepat dan kemas sesuatu istilah dalam laras teknologi, masalah-masalah yang kompleks dalam kelestarian sentiasa wujud. Dalam peleraian masalah tersebut, kajian perlu berfokus kepada satu kaedah sesuai yang bercirikan teori pembentukan dan pembangunan istilah. Pemindahan satu demi satu istilah mungkin tidak dapat membawa makna yang dikehendaki. Oleh hal yang demikian, tafsiran sesuatu istilah perlu disandarkan kepada bentuk ungkapan yang berasaskan keperluan-keperluan dalam proses komunikasi, selain keserasian penggunaanya dalam kalangan belia. Justeru, kajian ini cuba untuk mengkaji kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu dalam kursus-kursus kemahiran teknikal daripada segi sikap dan amalan belia di IKBN.

OBJEKTIF KAJIAN

Daripada tujuan penyelidikan yang dipaparkan di atas, beberapa objektif khusus telah digubal. Objektif-objektif khusus penyelidikan ini adalah untuk:

- i. Meninjau sikap dan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi dalam bahasa Melayu.
- ii. Meninjau hubungan antara sikap dan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi dalam bahasa Melayu.

Soalan Kajian

Soalan-soalan bagi kajian ini turut digubal dengan berpanduan objektif-objektif khusus yang disampaikan di atas. Soalan-soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah skor min sikap belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu?
- ii. Apakah skor min amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kemajuan dalam bidang sains atau teknologi menjadi petanda wujudnya pengaruh dalam bentuk berbahasa atau berkomunikasi dalam aspek latihan teknikal bagi belia. Belia yang merupakan generasi terpenting turut mengalami perkembangan kemajuan ini tidak terkecuali daripada memulihara martabat bahasa Melayu menerusi sokongan dalam pembangunan istilah. Pada era ini, selaras dengan perkembangan kemajuan teknologi, integriti istilah perlu dipertahankan. Hal ini demikian kerana pembangunan istilah mencerminkan warisan budaya yang bertatasusila dan harmoni, sejajar dengan falsafah yang terkandung dalam perkembangan bahasa dan transformasi teknologi negara. Daripada fenomena tersebut, kajian dan analisis terhadap pembangunan istilah adalah perlu dan penting untuk menjamin keutuhan dengan berteraskan aliran sumbangan bahasa daripada belia dalam perkembangan teknologi negara.

Langkah tersebut wajar menjadi tanggungjawab bersama golongan belia pada era ini untuk menjaga dan memupuk kesinambungan istilah teknologi dalam suatu khazanah bahasa supaya terus mantap penggunaannya. Hal ini demikian kerana istilah teknologi adalah istimewa dan melambangkan kekreatifan dan ketajaman fikiran seseorang belia dalam arus perdana negara, selain selari dengan perkembangan semua bidang yang berteraskan teknologi. Golongan belia juga dikatakan menjadi sandaran untuk sama-sama meneruskan agenda bahasa dan teknologi yang beridentitikan Malaysia.

Pengkajian tentang ilmu istilah teknologi telah bermula sejak sekian lama. Pendeta Za'ba dikatakan sebagai individu pertama yang membicarakan asas pembentukan istilah secara sistematik. Selepas itu, berbagai-bagai kajian lain telah dilakukan oleh para sarjana bahasa terhadap pengembangan istilah. Pelaksanaannya berteraskan susur galur utama dalam penganalisan istilah berbahasa Melayu serta kaitannya dengan makna. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini merupakan satu sumbangan kepada usaha memperkembang istilah teknologi berbahasa Melayu pada era digital ini.

Ibarat khazanah di lautan, semakin dicari, digali dan diambil, maka semakin banyak yang tidak diketahui. Begitu juga tentang pertemuan antara istilah dengan teknologi. Walaupun telah muncul beberapa khazanah lain yang dikumpulkan tentang istilah teknologi, namun masih lagi bertaburan dan perlu dibangunkan. Justeru, kajian ini berkepentingan untuk menggiatkan langkah ilmiah belia ke arah bergerak dan memartabatkan pembentukan serta pembangunan istilah teknologi berbahasa Melayu pada darjat yang tinggi.

BATASAN KAJIAN

Pengkaji membataskan kajian ini kepada aspek sikap dan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu. Sampel kajian ini pula terbatas kepada belia yang sedang mengikuti latihan kemahiran teknikal di IKBN terpilih.

Batasan kajian ini juga mengambil kira keikhlasan belia untuk memberikan respons terhadap soal selidik. Komitmen belia diutamakan oleh pengkaji bagi memastikan penglibatan dalam kajian memanfaatkan proses pembangunan istilah teknologi untuk diguna pakai di IKBN.

Data yang dikumpul dalam kajian ini adalah daripada soal selidik sikap dan amalan belia. Data numerik yang dianalisis berasaskan skor.

Definisi Operasional

Sikap dan Amalan Belia

Sikap dan amalan merupakan satu perasaan dan perbuatan terhadap sesuatu objek atau situasi yang berkepentingan untuk mempengaruhi sesuatu (Fishbein & Ajzen, 1975). Fishbein dan Ajzen menambah bahawa sikap dan amalan dinilai dari segi penguasaan sesuatu ilmu pengetahuan dan perkembangannya. Sikap dan amalan terhadap hubungan antara bahasa dan teknologi secara umumnya berpaksikan elemen-elemen (Jadual 1) berdasarkan pendapat Havice (1999). Dalam kajian ini, sikap dan amalan belia yang menjalani kursus kemahiran teknikal tertentu terhadap kelestarian istilah teknologi dalam bahasa Melayu telah diubahsuaikan daripada pendapat Havice tersebut. Sikap dan amalan belia dioperasionalisasikan dalam bentuk skor.

Havice (1999) juga pernah membuat liputan tentang kajian sains untuk International Energy Agency. Beliau berpendapat bahawa di negara-negara yang mementingkan beberapa komponen sumber bagi istilah sains, pelajar lebih cenderung kepada pembentukan sikap dan amalan dalam istilah yang lestari. Seajar dengan senario tersebut, dapat dijustifikasikan bahawa belia di negara ini perlu merealisasikan wawasan untuk menggarab keperkasaan tafsiran sesuatu istilah teknologi dalam membina pemikiran teknikal yang lebih tersusun dan sistematik.

Jadual 1: Elemen Sikap dan Amalan Belia

Sikap Belia	Amalan Belia
Wajar pinjam demi kelestarian istilah	Keseronokan berkursus dalam amalan istilah yang lestari

Sikap Belia	Amalan Belia
Mudah sebut istilah yang lestari	Kebebasan memberikan pendapat dalam amalan istilah yang lestari
Mudah ingat istilah yang lestari	Perkongsian idea tentang kursus dalam amalan istilah yang lestari
Mahir dalam kursus menerusi kelestarian istilah	Kewujudan gayakoperatif dan kolaboratif dalam amalan istilah yang lestari
Selesa guna istilah yang lestari	Dapat berkongsi pendapat dalam amalan istilah yang selari
Mudah kuasai ilmu menerusi istilah yang lestari	Mudah bersoal jawab tentang kursus dalam amalan istilah yang lestari
Proses latihan mudah menerusi istilah yang lestari	Mudah akses sumber-sumber lain tentang kursus dalam amalan istilah yang lestari
Kursus mudah diselesaikan menerusi istilah yang lestari	Penerangan tenaga pengajar tentang kursus dalam amalan istilah yang lestari
Wujud rangsangan latihan menerusi istilah yang lestari	Mudah fahami isi-isi penting kursus dalam amalan istilah yang lestari
Mudah berbincang tentang kursus menerusi istilah yang lestari	Ada bimbingan berterusan tentang kursus dalam amalan istilah yang lestari
Cepat menguasai isi-isi kursus menerusi istilah yang lestari	Tiada kecelaruan tentang isi-isi kursus dalam amalan istilah yang lestari
Mantap pengetahuan dalam kursus menerusi istilah yang lestari	Mampu berdikari dalam amalan istilah yang lestari
Ada cabaran dalam penyelesaian masalah menerusi istilah yang lestari	Kecekapan adalah mantap dalam amalan istilah yang lestari
Kuat komitmen kuat untuk berjaya dalam kursus menerusi istilah yang lestari	Produktiviti adalah mantap dalam amalan istilah yang lestari
Ada motivasi dalam kursus menerusi istilah yang lestari	Proses latihan lancar dalam amalan istilah yang lestari

Hakikatnya, perkara tersirat dalam Havice (1999) adalah tentang konsep ketepatan tafsiran terhadap kelestarian sesuatu istilah. Menurut gabungan The Partnership for 21st Century Skills atau P21 (2004), konsep ketepatan tafsiran bermaksud penampilan kelestarian sesuatu ilmu teknikal yang dikuasai. Ini termasuk keupayaan seseorang pelajar untuk menguasai kemahiran yang berhubung dengan daya inovatif dan kreatif serta merentas kemahiran-kemahiran lain ke arah pembentukan autonomi dalam pemikiran. Konsep ketepatan tafsiran yang dimaksudkan juga adalah tidak terhad kepada penguasaan sesuatu istilah, tetapi kemandirian dan aplikasi dalam kemahiran teknikal untuk memenuhi setiap tuntutan ke arah kemajuan sesebuah industri (Havice). Tahap penguasaan tafsiran yang perlu diperoleh belia pada abad ke-21 ini perlu memberikan kemampuan untuk saling menggabungkan ilmu local dengan ilmu global. Selain itu, belia perlu profesional dan cekap mengadaptasikan bentuk pengetahuan serta cara perkongsian ilmu yang sentiasa berubah-ubah supaya tidak terpinggir atau ketinggalan.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep Sikap

Definisi awal sikap dipetik daripada Allport (1935). Beliau memaparkan konsep sikap sebagai:

An attitude is a mental and neural state of readiness, organized through experience, exerting a directive or dynamics influence upon the individual's response to all objects and situations with which it is related.

Daripada petikan di atas, sikap berhubung rapat dengan satu kesediaan mental yang tersusun menerusi pengalaman, dorongan satu arah atau mempengaruhi dinamika tindak balas individu terhadap semua objek atau situasi tertentu yang berkaitan. Greenberg dan Baron (1997) pula mendefinisikan sikap sebagai satu gugusan perasaan, kepercayaan dan tindak-tanduk yang stabil secara relatifnya terhadap objek, manusia atau institusi yang spesifik. Doob (1947) pula menyentuh tentang sikap sebagai sesuatu yang implisit; tidak dinyatakan secara terus terang, selain bertindak sebagai penggerak respons atau reaksi, termasuk signifikan implikasinya dalam kajian sosial. Doob juga berpendapat bahawa sikap ialah organisasi kepercayaan yang tebal secara relatif di sekitar sesuatu objek atau situasi. Keadaan ini menyebabkan individu mudah terpengaruh dan bertindak mengikut pilihan sendiri. Doob menambah bahawa sikap ialah keadaan mental seseorang yang sentiasa bersiap sedia untuk bertindak balas terhadap nilai-nilai peribadi. Tindak balas yang ditunjukkan boleh berbentuk positif atau negatif atau bersetuju atau menentang. Kesediaan sentiasa ada dalam diri individu dan menunggu bila-bila masa sahaja untuk ditunjukkan.

Dalam konteks definisi yang mudah, sikap ialah satu kecenderungan yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap sesuatu perkara atau benda atau peristiwa

(Greenberg & Baron, 1997). Sikap digambarkan sebagai perasaan seseorang terhadap sesuatu. Misalnya, Saya suka akan kursus tersebut yang menyatakan sikap terhadap kursus. Menurut Greenberg dan Baron juga, perasaan akan menentukan pelbagai bentuk gelagat sosial yang dipaparkan oleh individu tertentu atau kumpulan. Gelagat adalah seperti penghayatan dan prososial.

Daripada pelbagai pengertian dan interpretasi, dapat dirumuskan bahawa sikap ialah satu proses mental yang bersifat fikiran, perasaan atau tanggapan terhadap sesuatu objek, aspek atau situasi tertentu (Doob, 1947). Justeru, sikap adalah sesuatu yang abstrak kerana tidak dapat dilihat atau dirasakan oleh pancaindera. Namun begitu, sikap yang berasaskan komponen-komponen tertentu boleh dikesan menerusi penaakulan fahaman behavioris dalam diri seseorang semasa menjalani proses kehidupan (Greenberg & Baron, 1997).

Sikap yang sering dibincangkan dalam konteks pendidikan mempunyai tiga (3) komponen. Ketiga-tiga komponen adalah saling berkaitan antara satu sama lain (Doob, 1947). Komponen-komponen tersebut dikenali sebagai:

i. Kognitif

Komponen kognitif ialah sikap yang berbentuk pemikiran yang berorientasikan interpretasi atau persepsi atau penilaian terhadap sesuatu perkara. Kognitif melibatkan proses pemikiran rasional, logik dan berteraskan kepercayaan evaluatif.

ii. Afektif

Komponen afektif sikap pula berbentuk emosi atau perasaan terhadap sesuatu perkara. Jika pegangan atau maklumat telah diterima, kesahan wujud, dinilai, selain akan diinterpretasikan. Komponen sikap ini juga akan mewujudkan perasaan suka atau tidak, saling mempercayai, termasuk menyokong atau tidak terhadap sesuatu pegangan.

iii. Tingkah Laku

Komponen gelagat dalam sikap mewujudkan kecenderungan atau keputusan untuk berpindah secara konsisten terhadap sesuatu perkara. Keyakinan terhadap sesuatu perkara pada hakikatnya mempengaruhi cara seseorang untuk bertindak. Jika tidak yakin akan sesuatu kemampuan, seseorang akan membuat penilaian secara adil, selain mengambil tindakan seperti tidak bersetuju.

Konsep Amalan

Terdapat banyak taksonomi dan tipologi yang digunakan oleh penyelidik untuk memahami dan mengkategorikan amalan terhadap sesuatu perkara. Antaranya Bozarth dan McDermott (1998) menunjukkan perbezaan antara taksonomi dan tipologi bagi menggambarkan amalan dalam kemahiran teknologi. Ini diikuti oleh pandangan Minor, Hensley dan Wood (1994) serta Dangayach dan Deshmukh (2001)

yang mengulas 260 kertas kajian yang berkaitan dengan amalan operasi penyampaian dan mengklasifikasikan amalan kepada aspek: (i) proses; dan (ii) kandungan.

Menurut Minor, Hensley dan Wood (1994) serta Dangayach dan Deshmukh (2001), literatur berkaitan aspek kandungan menampilkan isu keutamaan persaingan dengan melibatkan kos, kualiti, kepantasan penyampaian, fleksibiliti dan inovasi. Ini juga berkaitan dengan aspek keupayaan pembuatan, pilihan strategik, amalan terbaik, perbandingan transnasional dan pengukuran prestasi. Dalam pada itu, aspek proses berkaitan dengan reka bentuk atau prosedur sistem operasi yang meliputi pembangunan, reka bentuk dan pelaksanaan operasi organisasi (Dangayach & Deshmukh, 2001). Menurut Morita dan Flynn (1997) pula, amalan merupakan tingkah laku dan sistem yang wujud dalam organisasi. Sehubungan itu, untuk seseorang memahami konsep amalan, pendekatan yang sesuai adalah perlu. Kerangka kajian juga memberikan tumpuan kepada organisasi. Amalan operasi pula digunakan untuk memperbaiki prestasi sesebuah organisasi (Bozarth dan McDermott, 1997). Terdapat penyelidik yang menggunakan interpretasi amalan dalam bidang teknologi. Antaranya Collins dan Cordon (1997). Secara umumnya, amalan sering digunakan dalam bidang teknologi dan perkhidmatan yang melibatkan operasi berasaskan rujukan istilah.

Kajian-kajian Lepas Berkaitan Sikap dan Amalan

Pelbagai pendekatan telah digunakan oleh kebanyakan penyelidik dalam kajian tentang sikap dan amalan terhadap istilah sains. Kepelbagaian tersebut bertujuan mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan komprehensif tentang sikap dan amalan. Selain berbeza dari segi pendekatan, penyelidikan juga dijalankan dalam pelbagai peringkat institusi dan organisasi pendidikan serta melibatkan warga pendidikan, sama ada pelajar, guru, pensyarah, pentadbir ataupun sebagainya.

Sikap dan amalan merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan pelbagai program yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Asmawati Desa (2002) memberikan pandangan bahawa faktor sikap dan amalan memainkan peranan penting terhadap kefahaman istilah teknologi. Hasil penyelidikan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) mendapati bahawa secara keseluruhannya pelajar menunjukkan sikap dan amalan yang positif terhadap sebarang istilah teknologi komputer di dalam bilik darjah. Namun begitu, dapatan penyelidikan menunjukkan majoriti pelajar masih ragu-ragu terhadap pengasimilasian istilah dalam pembelajaran secara lebih dinamik. Greenberg dan Baron (1997) dalam penyelidikan tentang sikap dan amalan pelajar terhadap istilah teknologi komputer adalah umum. Sikap dan amalan sedemikian bermakna tidak wujud halangan terhadap penggunaan istilah teknologi komputer. Penyelidikan mereka juga mendapati 68.7% daripada sampel amat bersedia untuk mempelajari istilah teknologi komputer berbanding hanya 1.5% yang langsung tidak berminat. Secara umum, fobia terhadap istilah teknologi komputer sangat menebal dalam kalangan pelajar.

Tinjauan lain juga menunjukkan perbezaan latar belakang pelajar mempengaruhi dan mempunyai kesan terhadap sikap dan amalan terhadap istilah teknologi komputer (Havice, 1999). Menurut Havice, terdapat pelajar yang mempunyai sikap dan amalan yang negatif terhadap istilah teknologi komputer. Havice menambah bahawa perbezaan latar belakang pelajar seperti usia, jantina dan penguasaan ingatan jangka panjang yang lemah merupakan antara faktor yang menyebabkan sikap dan amalan sedemikian berlaku. Penyelidikan Havice juga menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara jantina dengan sikap dan amalan pelajar lelaki terhadap istilah komputer. Sikap dan amalan pelajar lelaki pula adalah lebih positif berbanding pelajar perempuan.

Dapatan penyelidikan Lotman dan Uspensky (1978) pula menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih berminat untuk menggunakan istilah teknologi komputer dalam pembelajaran, berbanding pelajar perempuan. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa faktor jantina juga ada pengaruhnya terhadap sikap dan amalan pelajar terhadap penggunaan istilah teknologi komputer.

Dalam perkembangan berkaitan, penyelidikan yang dilakukan oleh Lotman dan Uspensky (1978) juga mendapati penggunaan istilah teknologi internet lebih didominasi oleh kaum lelaki. Walaupun penggunaannya dalam kalangan wanita semakin meningkat di seluruh dunia, namun penggunaan istilah teknologi internet dalam pelbagai cara masih rendah berbanding kaum lelaki. Akibatnya bukan sahaja peluang kaum wanita untuk mengakses maklumat serta mendapat pelbagai perkhidmatan secara dalam talian berkurangan, tetapi juga menyebabkan kesan negatif terhadap pendidikan (Lotman & Uspensky). Lotman dan Uspensky juga berpendapat bahawa sikap dan amalan negatif kaum wanita terhadap istilah teknologi internet telah menyebabkan golongan tersebut dilaporkan mempunyai tahap penguasaan istilah teknologi internet yang rendah.

Dapatan-dapatan penyelidikan lain juga menunjukkan faktor usia mempengaruhi sikap dan amalan pelajar terhadap penggunaan istilah teknologi internet. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Havice (1999) turut menunjukkan pelajar di dalam bilik darjah yang lebih tinggi mempunyai sikap dan amalan terhadap istilah internet yang lebih positif, berbanding rakan lain di dalam bilik darjah yang lebih rendah. Hasil penyelidikan oleh Havice juga mendapati beberapa pelajar mempunyai tahap kerisauan yang lebih rendah terhadap penggunaan istilah teknologi komputer dan internet. Dapatan penyelidikan tersebut juga memaparkan bahawa sikap dan amalan positif pelajar terhadap istilah teknologi komputer dan internet mempunyai kaitan dengan tahap pengalaman, khususnya dalam penggunaan komputer dan internet.

Sapir (1998) pula telah menjalankan penyelidikan tentang sikap dan amalan beliau terhadap penggunaan istilah teknologi internet dan kaitannya dengan perbezaan stail kognitif dan silang budaya. Dapatan penyelidikan beliau menunjukkan bahawa sikap dan amalan berdasarkan kumpulan umur yang lebih muda; 17 hingga 19 tahun lebih positif berbanding kumpulan umur antara 21 hingga 32 tahun.

Dapatan penyelidikan Sapir (1998) yang dijalankan untuk 300 orang pelajar sekolah dan belia di New Zealand juga secara jelas menunjukkan bahawa sikap dan amalan memihak kepada penggunaan istilah teknologi internet. Dapatan penyelidikan memaparkan: (i) 55% daripada responden menggunakan istilah e-mel sekurang-kurangnya tiga kali seminggu, manakala (ii) 53% sangat bersetuju yang pelajar atau remaja harus menguasai istilah teknologi internet yang melibatkan pemprosesan perkataan, hamparan eletronik dan penyisihan maklumat.

Hasil penyelidikan Sapir (1998) yang lain juga menjelaskan bahawa faktor pengalaman, latihan serta keupayaan mengakses maklumat telah mempengaruhi sikap dan amalan pentadbir terhadap penggunaan istilah teknologi komputer. Penyelidikan Sapir mendapati bahawa 80% responden telah menggunakan istilah teknologi komputer bagi urusan pentadbiran sekolah, khususnya untuk menaip dokumen. Sapir menegaskan bahawa sikap negatif pentadbir terhadap istilah teknologi komputer merupakan sesuatu yang perlu diberikan perhatian. Menurut Sapir juga, satu daripada sebab utama pentadbir sekolah bersikap negatif terhadap istilah teknologi komputer kerana kurangnya pengetahuan dan pengalaman dalam bidang berkenaan.

Tinjauan juga menunjukkan terdapat pelbagai penyelidikan tentang sikap dan amalan terhadap istilah teknologi komputer dan kaitannya dengan kesan pencapaian atau kemajuan diri. Kajian yang dilakukan oleh Havice (1999) turut membincangkan kewujudan perkaitan antara sikap dan amalan yang diperhatikan dengan aspek pencapaian individu. Responden menganggap istilah teknologi komputer adalah sesuatu yang berguna serta mudah diaplikasikan menerusi kemahiran yang lebih tinggi. Sikap dan amalan yang positif memberikan impak terhadap diri dan pekerjaan. Kajian perbandingan yang dilakukan oleh Havice juga menunjukkan bahawa kumpulan responden yang mempunyai sikap dan amalan positif terhadap istilah teknologi komputer memperoleh kemahiran-kemahiran kerja yang tinggi, berbanding kumpulan yang bersikap negatif.

Definisi Istilah

Istilah ialah kata atau gabungan kata yang menerangkan makna, konsep, proses, keadaan atau ciri-ciri yang khusus dalam bidang-bidang tertentu (Roger, 1995). Beliau menyatakan bahawa tidak sukar untuk memahami maksud atau pengertian istilah jika seseorang tahu dan faham akan apa-apa bahasa, selain jelas akan hubungan antara perkataan dengan objek. Hal yang dimaksudkan dengan peristilahan, pengungkapan makna tentang benda atau simbol atau perlakuan dikaitkan dengan makna yang lebih sempit. Sempit bermaksud lebih khusus maknanya kepada sesuatu yang diungkapkan; benda, simbol, pengertian, keadaan, sifat, perbuatan, gerakan dan sebagainya. Misalnya, iron digambarkan sebagai besi.

Dalam sesuatu bidang ilmu, sejumlah kata dan frasa mengungkapkan konsep-konsep khusus yang diperlukan. Justeru, kata dan frasa khusus dikenali sebagai istilah. Istilah membawa maksud kata atau frasa yang mengungkap konsep yang khusus yang

terdapat dalam sesuatu bidang ilmu (Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu, 2005). Sesuatu istilah mempunyai makna yang tepat bagi konteks sesuatu bidang untuk menunjukkan definisi yang tetap. Istilah juga bermakna perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005).

Oleh hal yang demikian, istilah ialah suatu lambang linguistik yang berupa huruf, berbentuk bebas, gramatis dan sistematik, terdapat himpunan konsep atau objek khas dalam bidang tertentu dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan pakar menerusi jawatankuasa bidang berkenaan sebagai bernilai komunikatif yang sesuai (Sarinah Sharif, 2001).

KAEDAH KAJIAN

Kaedah berasaskan reka bentuk kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Kaedah tinjauan yang berkisar kepada reka bentuk kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini melibatkan penggunaan soal selidik.

Sampel dan Lokasi Kajian

Dalam reka bentuk kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini, sampel terdiri daripada 1,784 orang pelajar IKBN yang telah dipilih secara rawak bertujuan. Persampelan rawak bertujuan dirujuk kepada prosedur pemilihan subjek berasaskan kumpulan, selain mempunyai ciri-ciri dan tujuan tertentu penyelidikan (Fraenkel & Wallen, 2006). Fraenkel dan Wallen menambah bahawa tidak semua populasi kajian yang dipilih oleh seseorang pengkaji bertindak sebagai responden.

Kajian ini bertujuan mengkaji kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu dalam kursus-kursus kemahiran teknikal daripada segi interpretasi sikap dan amalan belia. Ciri subjek bagi penyelidikan ini pula ialah belia, lelaki dan perempuan yang sedang mengikuti kursus kemahiran tertentu berasaskan teknologi di Institut Kemahiran Belia Negara.

Menurut Fraenkel dan Wallen (2006) juga, pemilihan sampel secara rawak bertujuan perlu ditentukan dengan mengambil kira 15 hingga 20 peratus daripada anggaran jumlah keseluruhan sampel yang mewakili wilayah atau zon atau kawasan. Semasa kajian ini dilakukan, jumlah keseluruhan pelajar IKBN berasaskan sumber Bahagian Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan adalah kira-kira 10,000 orang.

Lokasi kajian ini adalah di zon-zon yang ditetapkan oleh pengkaji dengan berpandukan ciri-ciri ketetapan wilayah atau zon atau kawasan oleh Fraenkel dan Wallen (2006). Fraenkel dan Wallen juga berpandangan bahawa di dalam wilayah atau zon atau kawasan dikaji, sampel perlu diselaraskan dengan tujuan dan ciri-ciri

yang telah ditetapkan oleh seseorang pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan sampel di dalam: (i) Zon Sabah; (ii) Zon Sarawak, (iii) Zon Timur, iaitu Kelantan dan Pahang; (iv) Zon Selatan, iaitu Johor; (v) Zon Barat, iaitu Selangor; dan (vi) Zon Utara, iaitu Perlis. Daripada pecahan zon pula, pengkaji telah menetapkan sampel daripada tujuh buah IKBN, iaitu: (i) IKBN Kinarut, Sabah; (ii) IKBN Miri, Sarawak; (iii) IKBN Bachok, Kelantan, (iv) IKBN Temerloh, Pahang; (v) KKBN Pontian, Johor; (vi) IKTBN Sepang, Selangor; dan IKBN Kuala Perlis, Perlis.

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik berasaskan kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Soal selidik telah diubahsuaikan daripada Evaluative Criteria of the National Study of Secondary School Evaluation (National Study of Secondary School Evaluation, 1960). Selain itu, soal selidik kajian ini telah disesuaikan dengan indikator-indikator The Partnership for 21st Century Skills atau P21 (2004). Kriteria penilaian dan indikator-indikator berkaitan telah diguna pakai secara meluas di Amerika Syarikat. Kriteria penilaian dan indikator-indikator terbabit juga telah diadaptasikan di Jepun, India, Mesir dan Cuba (National Study of Secondary School Evaluation, 1960).

Dalam soal selidik, semua item yang dinyatakan telah diberikan skala dan pengkelasan. Sangat Setuju diberikan skor 5, Setuju diberikan skor 4, Tidak Pasti diberikan skor 3, Tidak Setuju diberikan skor 2 dan Sangat Tidak Setuju diberikan skor 1. Skala dan pengkelasan ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Skala dan Pengkelasan

Skala	Pengkelasan
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Tidak Pasti	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Kandungan soal selidik telah dibahagikan kepada Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A adalah tentang aspek demografi, iaitu jantina, kursus dan nama IKBN. Bahagian B pula adalah tentang sikap belia, manakala Bahagian C adalah tentang amalan belia. Terdapat 15 item, masing-masing dalam Bahagian B dan Bahagian C. Kandungan soal selidik dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Kandungan Soal Selidik

Bahagian	Perkara		Jumlah Item
A	Jantina		1
	Kursus		1
	Nama IKBN		1
B	Konstruk	Sikap Belia	15
			Nombor Item
			1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14 dan 15.
C		Amalan Belia	15
			Nombor Item
			1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14 dan 15.
Jumlah Item Bahagian B dan Bahagian C			30

Prosedur Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan soal selidik untuk mengumpulkan data sikap dan amalan belia. Prosedur ini membabitkan proses pentadbiran, pengedaran dan pengumpulan soal selidik. Proses-proses berkaitan dilaksanakan menerusi empat peringkat.

Dalam peringkat pertama, pengkaji dengan bantuan pembantu yang dilantik mengedarkan borang soal selidik kepada setiap subjek di lokasi kajian. Selepas taklimat ringkas pengisian maklumat soal selidik oleh pembantu yang dilantik, subjek diberikan masa selama lima minit untuk mengisi maklumat yang dikehendaki. Dalam peringkat kedua, borang soal selidik diisi oleh pelajar di tempat kajian selama 15 minit, sambil dipantau oleh pembantu yang dilantik oleh pengkaji. Pengisian soal selidik dilakukan secara berpandu untuk memudahkan subjek menyalurkan maklumat dan data yang diperlukan. Responden hanya perlu menandakan respons pada setiap item dalam ruang yang disediakan. Dalam peringkat ketiga pula, pengkaji mengumpulkan semula semua borang soal selidik. Pengumpulan dilakukan selepas pengisian maklumat dan pengemukaan data oleh subjek. Bagi peringkat keempat, semua data kajian dikumpulkan dalam bentuk skor sikap dan amalan belia. Pelaksanaan pengumpulan data sikap dan amalan belia adalah sama peringkatnya bagi setiap lokasi kajian, iaitu di tujuh buah IKBN.

Penganalisisan Data

Data numerik yang dikumpulkan telah dianalisis dari segi peratus, skor min dan sisihan piawai. Analisis peratus digunakan oleh pengkaji untuk demografi responden yang membabitkan jantina, kursus dan IKBN. Pengkaji juga menggunakan analisis

skor min dan sisihan piawai untuk sikap dan amalan belia. Dalam analisis statistik deskriptif, pengkaji menghuraikan peratus, skor min dan sisihan piawai. Analisis statistik inferensi berasaskan Korelasi Pearson turut digunakan oleh pengkaji untuk menguji hubungan dan hipotesis. Kesemua data telah dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan program SPSS (Statistical Package for Social Sciences) Versi 20.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Demografi responden kajian ini yang berasaskan reka bentuk kuantitatif melibatkan tiga komponen taburan. Komponen taburan yang terlibat adalah tentang IKBN, jantina dan kursus. Taburan setiap komponen ditunjukkan dalam bentuk jadual-jadual.

Jadual 4 menunjukkan tujuh buah IKBN yang terlibat dalam kajian ini. Tujuh buah IKBN telah dipilih secara rawak dalam kajian ini yang membabitkan 1784 orang pelajar. Bagi IKBN Kinarut, Sabah, bilangan pelajar yang terlibat ialah 374 orang (21.0%). Bilangan pelajar bagi IKBN Miri, Sarawak pula ialah 52 orang (2.9%), manakala IKBN Kuala Perlis ialah 211 orang (11.8%). Bilangan pelajar sebanyak 565 orang pula membabitkan IKBN Bachok, Kelantan. Ini diikuti IKBN Temerloh, iaitu 100 orang (5.6%). Bagi IKBN Sepang, Selangor, bilangan pelajar terlibat ialah 145 orang (8.1%), manakala IKBN Pontian, Johor ialah 337 orang (18.9%).

Jadual 4: Institut Kemahiran Belia Negara dan Bilangan Responden

Institut Kemahiran Belia Negara	N	%
Kinarut, Sabah	374	21.0
Miri, Sarawak	52	2.9
Kuala Perlis, Perlis	211	11.8
Bachok, Kelantan	565	31.7
Temerloh, Pahang	100	5.6
Selangor, Sepang	145	8.1
Pontian, Johor	337	18.9
Jumlah	1784	100.0

Responden kajian ini yang dipilih secara rawak adalah berjumlah 1784 orang. Jadual 5 menunjukkan peratusan jantina. Bilangan pelajar lelaki ialah 1424 orang (79.8%). Bilangan pelajar perempuan pula ialah 360 orang (20.2%).

Jadual 5: Jantina Pelajar Berdasarkan Peratus

Jantina	N	%
Lelaki	1424	79.8
Perempuan	360	20.2
Jumlah	1784	100.0

Kesemua pelajar yang terlibat sebagai responden kajian ini sedang mengikuti kursus peringkat sijil dan diploma. Jadual 6 memaparkan bilangan pelajar yang dipilih sebagai responden berdasarkan kursus sijil dan diploma. Bilangan 1713 orang pelajar (96.0%) mengikuti kursus peringkat sijil. Sebanyak 71 orang pelajar (4.0%) pula mengikuti kursus peringkat diploma. Jelas bahawa bilangan pelajar yang mengikuti kursus peringkat sijil adalah paling ramai terlibat dalam kajian ini.

Jadual 6: Bilangan dan Peratus Pelajar Kursus Sijil dan Diploma

Kursus	N	%
Sijil	1713	96.0
Diploma	71	4.0
Jumlah	1784	100.0

Apakah skor min sikap belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu?

Sikap belia diukur dalam bentuk skor. Jadual 7 adalah tentang skor min sikap belia. Sebanyak 15 item tentang sikap belia terkandung dalam soal selidik kajian ini telah dihipunkan dalam Bahagian B. Daripada analisis dapatan dalam Jadual 7, min Item 1 ialah 4.75 (SP = 0.432); Item 2 ialah 4.46 (0.499); Item 3 ialah 4.64 (SP = 0.518); Item 4 ialah 4.58 (SP = 0.498); Item 5 ialah 4.48 (SP = 0.500); Item 6 ialah 4.66 (SP = 0.495); Item 7 ialah 4.63 (SP = 0.486); Item 8 ialah 4.63 (0.493); Item 9 ialah 4.66 (SP = 0.669); Item 10 ialah 4.64 (SP = 0.489); Item 11 ialah 4.47 (SP = 0.513); Item 12 ialah 4.08 (SP = 0.449); Item 13 ialah 4.49 (SP = 0.520); Item 14 ialah 4.25 (SP = 0.632); dan Item 15 ialah 4.47 (0.499).

Jadual 7: Skor Min Sikap Belia

Sikap Belia	N	Min	SP
Item 1		4.75	0.432
Item 2		4.46	0.499
Item 3		4.64	0.518
Item 4		4.58	0.498
Item 5		4.48	0.500
Item 6		4.66	0.495
Item 7		4.63	0.486
Item 8		4.63	0.493
Item 9		4.66	0.669
Item 10		4.64	0.489
Item 11		4.47	0.513
Item 12		4.08	0.449
Item 13		4.49	0.520
Item 14		4.25	0.632
Item 15		4.47	0.499
	1784		
Jumlah	1784		

SP = Sisihan Piawai

Apakah skor min amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu?

Amalan belia juga diukur dalam bentuk skor. Jadual 8 adalah tentang skor min amalan belia. Sebanyak 15 item tentang amalan belia juga terkandung dalam soal selidik kajian ini telah dihipunkan dalam Bahagian C. Analisis dapatan berdasarkan Jadual 8 menunjukkan bahawa min Item 1 ialah 4.48 (SP = 0.500); Item 2 ialah 4.55 (0.498); Item 3 ialah 4.22 (SP = 0.417); Item 4 ialah 4.59 (SP = 0.492); Item 5 ialah 4.48 (SP = 0.500); Item 6 ialah 4.61 (SP = 0.639); Item 7 ialah 4.14 (SP = 0.827); Item 8 ialah 4.60 (0.645); Item 9 ialah 4.45 (SP = 0.543); Item 10 ialah 4.59 (SP = 0.676); Item 11 ialah 4.63 (SP = 0.529); Item 12 ialah 4.37 (SP = 1.008); Item 13 ialah 4.76 (SP = 0.471); Item 14 ialah 4.69 (SP = 0.472); dan Item 15 ialah 4.88 (0.329).

Jadual 8: Skor Min Amalan Belia

Amalan Belia	N	Min	SP
Item 1		4.48	0.500
Item 2		4.55	0.498
Item 3		4.22	0.417
Item 4		4.59	0.492
Item 5		4.48	0.500
Item 6		4.61	0.639
Item 7		4.14	0.827
Item 8		4.60	0.645
Item 9		4.45	0.543
Item 10		4.59	0.676
Item 11		4.63	0.529
Item 12		4.37	1.008
Item 13		4.76	0.471
Item 14		4.69	0.472
Item 15		4.88	0.329
	1784		
Jumlah	1784		

SP = Sisihan Piawai

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu?

Bagi kajian ini, analisis deskriptif berdasarkan min dan sisihan piawai telah dilakukan. Analisis deskriptif untuk sikap dan amalan belia diperlihatkan dalam Jadual 9. Jadual menunjukkan min sikap belia ialah 4.52 (SP = 0.17). Min amalan belia pula ialah 4.53 (SP = 0.19).

Jadual 9: Min dan Sisihan Piawai Sikap dan Amalan Belia

	N	Min	SP
Sikap Belia	1784	4.52	0.17
Amalan Belia		4.53	0.19

SP = Sisihan Piawai

Dalam kajian ini juga, analisis Korelasi Pearson telah digunakan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan atau sebaliknya antara sikap dengan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu. Jadual 10 memaparkan analisis hubungan berkenaan. Hipotesis nol yang diuji ialah:

Ho: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu.

Jadual 10: Hubungan Antara Sikap Dengan Amalan Belia

Sikap Belia	Sikap Belia	Amalan Belia
Korelasi Pearson	1	0.568
Signifikan (2-tailed)		-0.160**
N	1784	1784
Amalan Belia		
Korelasi Pearson	0.568	1
Signifikan (2-tailed)	-0.160**	
N	1784	1784

**Aras signifikan <0.01

Jadual 10 memaparkan analisis korelasi antara sikap dengan amalan belia. Daripada paparan jadual tersebut, analisis hubungan antara sikap dengan amalan belia ialah $r(1784) = 0.568$, $p < 0.01$. Nilai pekali (0.568) yang dianalisis memperlihatkan bahawa tafsiran deskriptif menurut Davies (1971) adalah tinggi. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi berbahasa Melayu. Oleh itu, hipotesis nol ditolak.

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini yang berasaskan analisis statistik inferensi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi dalam bahasa Melayu. Dapatan kajian ini disokong oleh Greenberg dan Baron (1997) yang menghuraikan bahawa istilah teknologi membantu pelajar dalam pemerolehan pengetahuan. Menurut mereka, caranya adalah dengan penyemaian sikap suka dan yakin serta amalan berkomitmen terhadap usaha penaakulan bahan-bahan pembelajaran dengan menggunakan istilah teknologi untuk dihubungkan dengan pengetahuan baharu dan yang lepas yang telah dipelajari. Menurut Bozarth dan McDermott (1998), pelajar yang mempunyai domain pengetahuan yang mantap sebenarnya memiliki sikap kesukaan dan keyakinan yang tinggi, selain mempunyai

amalan untuk berusaha dalam pembelajaran dengan bantuan istilah (Morita & Flynn, 1997). Hal ini demikian kerana pelajar mempunyai sumber istilah yang kaya dengan pengetahuan yang boleh dihubungkan terus dengan pengetahuan yang baharu (Havice, 1999).

Signifikannya hubungan antara sikap kesukaan dan keyakinan pelajar juga ditinjau kepada langkah pelajar untuk mengecam maklumat pengetahuan yang penting berasaskan penggunaan istilah dan perlu difokuskan. Ini selari dengan dapatan kajian Havice (1999) yang menunjukkan bahawa pelajar mengintegrasikan sikap dan amalan terhadap istilah digital dalam memfokuskan perhatian kepada maklumat-maklumat semasa untuk dikaitkan dengan pengetahuan yang baharu. Banyak pendidik melihat bahawa sikap dan amalan terhadap kelestarian istilah adalah sebahagian daripada penyesuaian kombinasi sumber teknologi yang melibatkan penjaan minda dalam konteks ingatan jangka panjang (Collins & Cordon, 1997).

Pembelajaran yang menyeronokkan adalah sangat penting bagi pelajar untuk pembentukan sikap seronok dan amalan berterusan dalam pembelajaran berasaskan penggunaan istilah yang mantap (Collins & Cordon, 1997). Menurut Collins dan Cordon, pembelajaran yang menyeronokkan mampu menjadikan pelajar lebih bersikap suka, yakin serta mampu membudayakan amalan optimis untuk terus belajar dengan cara atau gaya pembelajaran tersendiri. Asasnya adalah daripada penggunaan kata dan frasa yang terjalin kukuh dalam kesepaduan istilah untuk membantu pelajar mempelajari pengetahuan yang baharu (Collins & Cordon) yang dapat memanfaatkan belia dari segi memproses, mengingat, menyimpan dan menyampaikan semula segala maklumat dalam komunikasi pengetahuan berasaskan sesuatu topik pembelajaran. Daripada unsur mudah mengingat, menyimpan dan menyampaikan semula maklumat tentang ilmu pengetahuan, proses pembelajaran berasaskan istilah teknologi dapat membantu belia untuk bersikap lebih positif; suka, yakin dan bermotivasi.

Tegasnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan amalan belia yang menjalani kursus-kursus kemahiran teknikal terhadap kelestarian istilah teknologi dalam bahasa Melayu. Daripada paparan hasil kajian ini juga, belia terus terangsang untuk terus menggunakan istilah teknologi dalam pembelajaran. Hakikatnya, sikap dan amalan mempunyai hubungan yang kuat dalam menentukan penilaian kefahaman serta peningkatan pengetahuan (Greenberg & Baron, 1997).

CADANGAN

Harapan pengkaji supaya dalam kajian yang akan datang, perlu diselaraskan penyelidikan yang lebih luas tentang kesan penggunaan istilah teknologi berbahasa Melayu di IKBN. Penyelidikan perlu mencakupi pendapat pakar teknologi dari dalam dan luar negara, selain menambahkan jumlah bilangan data yang dikaji.

Daripada kesignifikan hasil kajian ini, pengkaji juga menyarankan supaya istilah teknologi di IKBN dikaji dan dibangunkan secara realitinya dalam bentuk digital serta dirangkaikan dalam talian. Hal ini demikian kerana dapatan penyelidikan mampu menyokong penghasilan produk yang berasaskan data yang empirikal, lebih mantap, tepat dan objektif.

Di samping itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian seperti ini diperluas kepada kajian istilah-istilah lain di IKBN, seperti hospitaliti; antara kursus yang dijalankan di IKBN tertentu. Kajian yang dicadangkan juga akan berkait dengan gender belia, selain latar belakang kemahiran tentang sesuatu kursus. Kajian tersebut pasti lebih berkesan kerana komunikasi menerusi istilah dapat diintegrasikan dengan keperluan sesuatu aspek demi pembentukan proses penyelidikan yang lebih mencabar.

Diharapkan cadangan dan pandangan yang dikemukakan ini dapat memberikan panduan kepada pengkaji-pengkaji akan datang jika menjalankan kajian yang berkaitan. Pengkaji berharap para pengkaji akan datang tampil melaksanakan kajian yang lebih dinamik, seterusnya memperoleh hasil kajian, apatah lagi yang berasaskan produk supaya dapat memberikan manfaat kepada semua pengguna istilah dan teknologi.

PENUTUP

Perkembangan bahasa Melayu yang begitu pesat selama ini sangat dipengaruhi jalinan kemajuan ilmu bahasa dan teknologi yang berlangsung di persekitaran. Hal ini berkaitan dengan usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang berteraskan penyerapan ilmu pengetahuan yang berwibawa dan mapan. Usaha-usaha terancang perlu dijalankan bagi mengangkat bahasa yang pada awalnya hanya digunakan untuk perbualan harian atau bertindak bahasa tidak formal sahaja. Tujuannya supaya bahasa secara umumnya dan istilah secara khususnya dibudayakan oleh belia menerusi proses transformasi ilmu dan kemahiran. Tujuan lain supaya wujud keupayaan bahasa secara umumnya dan istilah secara khususnya bertindak sebagai wahana dalam langkah belia menggarab pengetahuan teknologi yang berteraskan pemikiran tinggi, kreatif dan inovatif.

Justeru, pembudayaan istilah dalam komunikasi kalangan belia merupakan aspek penting yang wajar dimanipulasikan demi pencapaian aspirasi ilmu dan kemahiran teknologi. Kini, banyak istilah dalam pelbagai bidang dan subbidang ilmu telah digubal untuk memenuhi fungsinya sebagai bahasa ilmu pengetahuan, terutamanya dalam perkembangan teknologi.

RUJUKAN

- Abdullah, H. 2005. *Linguistik am*. Bentong: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Adenan, A. 2009. *Bahasa Kebangsaan*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar.
- Adenan, A., Mohd Rashid, M.I. & Mohd Ra'ain, S. 2010. *Aspek kemahiran berbahasa*. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Emiritus.
- Allport, G.W. 1935. *Attitudes*. In C. Murchison (Ed). *Handbook of Social Psychology*, Worcester, Mass: Clark University Press.
- Asmawati, D. 2002. *Psikologi untuk golongan profesional*. Universiti Kebangsaan Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Bozarth, C. & McDermott, C. 1998. Configurations in Manufacturing Strategy. A Review and Direction for Future Research. *Journal of Operations Management*, 15.
- Collins, R.S. & Cordon, C. 1997. An empirical test of the rigid flexibility model. *Journal of Operations Management*, vol. 16, pp. 133-146. Mills, Neely, Platts dan Gregory.
- Dangayach, G.S. & Deshmukh, S.G. 2001. Practice of Manufacturing Strategy: Evidences from Select Indian Automobile Companies. *International Journal of Production Research*, Vol. 39 No.11, pp. 2353-2393.
- Davies, J.A. 1971. *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Doob, L.W. 1947. The Behavior of Attitudes. *Psychological Review*, 1947, 54, 135-156.
- Fishbein, M.A. & Ajzen, I. 1975. *Belief, attitude, intention and behavior: An introduction to theory and research*. Reading, MA: Addison-Wesley Hall, E. T.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. 2006. *How to design and evaluate research in education*. New York: McGraw-Hill.
- Greenberg, J. & Baron, R.A. 1997. *Behavior in organizations*, 6th. edition. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall. Doob (1947).
- Havice, W.L. 1999. College Students' Attitudes toward Oral Lectures and Intergrated Media Presentations. *Journal of Technology Studies*. XXV (1): 51-56.

- Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lotman, J. & Uspensky, B. 1978. On the Semiotic Mechanism of Culture. *New Literary History*. Hlm. 211-232.
- Mahathir, M. 1991. Malaysia: The way forward. Kuala Lumpur: Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Minor, E.D., Hensley, R.L. & Wood, D.R. 1994. A review of empirical manufacturing strategy studies. *International Journal of Operations & Production Management*, 14(1), 5-25.
- Morita, M. & Flynn, E.J. 1997. The Linkage among Management Systems Practices and Behaviour in Successful Manufacturing Strategy. *International Journal of Operations and Production Management*, 17(10), 967-993.
- National Study of Secondary School Evaluation, 1960. Evaluative Criteria. Washington D. C.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu, 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina, A.W. 2005. *Peminjaman kata dalam peristilahan undang-undang bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- P21-Partnership For 21st Century Skills 2004, Framework for 21st century learning, illuminate group, Tuscon, Arizona. (Online). Diakses pada 14 Julai 2012, daripada <http://www.21stcenturyskills.org>.
- Ramlee, M., Ruhizan, M.Y. & Hamdan, M.A. 2003. Integrasi Akademik dan Vokasional: Rasional dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan*, 28, 77-90.
- Roger, T.B. 1995. *Translations and translating: Theory and practice*. London: Scholar Press (M) Bhd.
- Rusli, A.G. & Zaiton, D. 2001. Istilah Sains dalam Teks Bacaan Umum. *Jurnal Rampak Serantau*, Bil. 8.
- Sapir, E. 1998. *Culture, language and personality*. Los Angeles: University of California.

Profil Penulis:

Adenan Ayob, PhD
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Perak Darul Ridzuan.